

TINGKAT GAJI PEKERJA BERGAJI RENDAH

Model Gaji Progresif (PWM) diperkenalkan pada 2012 oleh NTUC untuk meningkatkan gaji pekerja bergaji rendah tempatan dan menjadikan kenaikan tersebut mampan melalui peningkatan kemahiran. Sejak itu, ia telah dilaksanakan dalam beberapa sektor, dengan sektor runcit yang terkini. Berikut sektor yang telah mengamalkan model itu.



	Bila	Siapa	Gaji asas
 <p>Pembersihan</p>	Sejak September 2014	Semua rakyat Singapura dan Penduduk Tetap (PR) yang digajikan dalam pekerjaan pembersihan yang disumber luar.	Contohnya, pekerja pembersihan raih sekurang-kurangnya \$1,312 hingga \$1,530 gaji asas bulanan bermula Julai 2022, dengan gaji naik setiap tahun. Ini akan naik kepada sekurang-kurangnya \$2,420 hingga \$2,835 pada 2028.
 <p>Keselamatan</p>	Sejak September 2016	Semua rakyat Singapura dan PR digajikan agensi keselamatan berlesen.	Contohnya, pegawai keselamatan raih sekurang-kurangnya \$1,442 gaji asas bulanan tahun ini, dengan gaji naik setiap tahun. Ini akan dinaikkan kepada sekurang-kurangnya \$3,530 pada 2028.
 <p>Landskap</p>	Sejak Jun 2016	Semua rakyat Singapura dan PR dalam pekerjaan penyenggaraan landskap yang disumber luar oleh syarikat landskap dalam Daftar Syarikat Landskap NParks.	Contohnya, pekerja landskap raih sekurang-kurangnya \$1,650 gaji asas bulanan pada Julai 2022. Ini akan naik kepada sekurang-kurangnya \$2,385 pada 2028.
 <p>Penyenggaraan lif dan tangga bergerak</p>	Mulai 2022	Semua pekerja penyenggaraan lif dan tangga bergerak rakyat Singapura dan PR.	Contohnya, penolong pakar lif dan tangga bergerak raih sekurang-kurangnya \$1,850 pada 2022. Ini akan naik kepada sekurang-kurangnya \$3,080 pada 2028.



PWM akan dilanjutkan kepada sektor lain seperti khidmat makanan dan pengurusan sisa. Mulai bulan ini, ia akan diperluas untuk meliputi lebih ramai kakitangan seperti pekerja tempatan dalam sektor pembersihan, landskap dan keselamatan yang bukan dari sumber luar.